



MOHAMAD HAKIM

Pesakit 'macho' cuba pikat

Kuala Lumpur: "Saya pernah dukuk oleh pesakit wanita di wad psikiatri yang berlagak seperti lelaki kerana mahu memikat saya," kata Noor Anisa Zainal Abidin, 25, jururawat di wad psikiatrik yang berkhidmat sebagai jururawat selama lapan tahun.

Menurutnya, pesakit wanita itu bergaya 'macho' ketika memikatnya.

"Ia memang lucu kerana pesakit itu berpura-pura bergaya 'macho' memana nombor telefon saya, tetapi saya hanya senyum dan memberikan rawatan seperti pesakit lain."

"Kadang kala mereka lpe sikit di wad psikiatri memtukusuk, tetapi kami perlu berlapik sedia dan sentiasa memberikan perhatian membaru mereka kerana pesakit ini sangat sensitif," katanya.

Menurutnya, pelbagai ragam yang dilihat sewaktu merawat pesakit di wad berkesan, namun dia sentiasa positif demi melaksanakan ibadah keru kitayah ini.

Sementara itu, jururawat lelaki, Mohamad Hakim Zaharudin, 25, berkata, berlagak dalam bidang yang di monopoli oleh wanita ini sememangnya mencabar.

"Ada pesakit lelaki dan wanita yang tidak mahu dilayan oleh jururawat lelaki dan mememula dilayan oleh jururawat wanita. Bagaimanapun, kita tidak harus ambil hati dan sejak menjadi jururawat selama tiga tahun lalu, saya pernah banyak berhadapan." katanya.

Selain itu, Mohamad Hakim mengakui pernah dilaman oleh pesakit lelaki yang memujuk dia untuk dijadikan suaminya.

"Nah, mesitak, tidak sanggup hati kerana takut meharu-cikan hati pesakit. Saya hanya mampu tersenyum dan bryan saja," katanya.

PENGUBAT SAAT DUKA

■ Jururawat imbau memori suka duka ketika berkhidmat dalam bidang penjagaan pesakit



JURURAWAT dengan perhatian dan pengabdian kepada pesakit.



Saya sering ditugaskan di bilik bersalin, apabila ibu selamat melahirkan bayi sihat dan sempurna, ia cukup memuaskan hati saya"

Fuziah Abd Hamid



Pesakit bukan saja pelanggan kita, malah rakan kita. Sebagai jururawat, kita perlu memberi semangat untuk mereka sembuh"

Zetty Akmar Mohamad



Kami perlu bersedia sedia dan sentiasa memberikan perhatian untuk membantu pesakit kerana mereka sangat sensitif"

Noor Anisa Zainal Abidin



JURURAWAT Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia sedang menjalankan pemeriksaan ke atas pesakit.

Nabihah Kamal
nabihah.kamal@metro.com.my

Huda Lumpur

Hari jururawat Sedunia disambut semalam dan ia pastinya cukup istimewa buat mereka yang memilih kerjaya ini. Suka duka bertugas sebagai jururawat meninggalkan memori yang akan dikenang mereka buat selamanya.

Wartawan Harian Metro bertemu dengan beberapa jururawat Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) Cheras, semalam, sekali gus berkongsi kisah mereka.

Walaupun wanita dengan wanita, dia tetap disubit mencabul oleh seorang bapa ketika bertugas di Sarawak.

Itu antara pengalaman Peringaris Jururawat Jabatan Kejurawatan PPUKM Fuziah Abd Hamid, 27, yang masih teringat ngiang dalam ingatan sepanjang menjadi jururawat 11 tahun lalu.

Menurut Fuziah kesadisan yang

berlaku 20 tahun lalu itu, menimbulkan impak kepada kersemitanya sebagai seorang jururawat yang berpengalaman.

"Saya amat sedih apabila seorang bapa memarah saya mencabul anak perempuannya, sedangkan saya hanya memasukkkan tubi sahuran kencing dan ia dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh hospital."

"Perkara itu berlarutan sehingga bapa pesakit remaja itu mahu membawa ke mahkamah, tetapi saya tahu apa yang saya lakukan. Niat saya hanya untuk membantu pesakit dan mengikut prosedur operasi biasa (SOP)," katanya yang memaklumkan, 'insiden' itu berlaku begitu saja.

Menurut Fuziah, dia gembira berkhidmat kepada pesakit kerana menganggap pekerjaannya tanggungjawab kepada masyarakat.

"Saya sering ditugaskan di bilik bersalin, apabila ibu selamat melahirkan bayi dalam keadaan sihat dan sempurna, ia sudah cukup memuaskan hati saya."

Ditambah dengan ucapan 'te-

rims kasih' daripada pesakit saya berasa cukup dihargai," katanya.

Katanya, dia pernah menyambut kelahiran bayi kembar empat dan sehingga kini hubungan dengan ibu dan ayah bayi itu yang kini berhijrah ke luar negara akrab.

Ragi Ketua Jururawat PPUKM Zetty Akmar Mohamad, 40, pengalaman 17 tahun sebagai jururawat mengagumnya est per sahabatan.

"Pesakit bukan saja pelanggan kita, malah rakan kita. Sebagai jururawat, kita perlu memberi mereka semangat untuk sembuh dan apabila melihat mereka sembuh, saya lega."

"Kadang kala, di bilik bersalin kita menjeri kepada ibu. Itu bukan tanda kita marah, tetapi itu cara jururawat memberi semangat dan sebaik selesai kami memohon maaf jika terkasar bahasa dan pesakit sangat memahami," katanya.

Zetty mengakui teknik komunikasi sangat penting bagi memastikan pesakit senang dengan keadaan persekitaran hospital.



MOHAMAD Hakim memikat pesakit di PPUKM